

MRL

Racun Perosak

MRL 'Maximum Residue Level'?

Nilai maksimum residu racun perosak yang dibenarkan terdapat dalam tanaman makanan akibat penggunaan racun perosak tersebut berdasarkan Amalan Pertanian Baik (APB).

Dinyatakan dalam unit mg/kg@ppm.

Kepentingan :

- Memastikan racun perosak digunakan secara berhemah berdasarkan APB.
- Melindungi kesihatan pengguna.
- Memudahkan proses perdagangan dalam negara serta antarabangsa.

Bagaimana MRL ditetapkan?

Penetapan adalah secara saintifik berdasarkan data kajian residu hasil penggunaan racun perosak yang dijalankan ke atas tanaman yang berkenaan.

Penguatkuasaan

Residu racun perosak dalam hasil-hasil pertanian dikawal di bawah **Peraturan-peraturan Makanan 1985, Akta Makanan 1983** yang dikuatkuasakan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

